

UMSKAL FC tundukkan Veteran Oldtimer dalam aksi persahabatan

LABUAN: Pasukan UMSKAL FC menewaskan pasukan Veteran Oldtimer 3-1 pada perlawanan bola sepak persahabatan yang diadakan di Padang UMSKAL, baru-baru ini.

Gol-gol UMSKAL FC dijaringkan Syahrulnizam Wahanin, Dr Suddin Lada dan Che Razali Che Muda. Manakala gol saguhati Veteran Oldtimer dijaringkan Johan Sinau.

Menurut jurulatih UMSKAL FC, Asmawi Awang pasukannya akan mengadakan lebih banyak perlawanan persahabatan bagi menguji keserasian anak buahnya.

Katanya, pasukan UMSKAL FC yang diketuai ketua pasukan, Yusdi Lamat masih mencari rentak permainan sebelum boleh menyertai pertandingan yang lebih besar sama ada di peringkat UMS mahupun Wilayah Persekutuan Labuan.

"Lebih banyak perlawanan persahabatan akan diadakan dengan agensi kerajaan, swasta dan kelab bola sepak di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya ditemui selepas tamat perlawanan.

Sementara itu, pengurus pasukan, Mohd Ab-

dullah Manggul, berkata perlawanan itu juga diadakan untuk mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara UMSKAL dengan kelab bola sepak di Wilayah Persekutuan Labuan seperti mana yang dihasratkan Pengarah UMSKAL, Profesor Dr Juang @ Azlan Abdullah Gansau dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah.

Perlawanan bola sepak itu diadakan sempena program Jom Sihat yang diadakan setiap Rabu bermula pukul 4 petang yang memabadikan warga UMSKAL. **-JAINUDIN DJIMIN**



ALBUM...UMSKAL FC jersi oren (kanan) bersama pasukan Veteran Oldtimer bergambar kenangan pada perlawanan persahabatan di Padang UMSKAL, baru-baru ini.